

Pemilikan perbadanan asing Perdagangan asing boleh diluaskan: PM

PETALING JAYA, Jumaat -- Pemilikan dan penguasaan rakyat Malaysia yang semakin besar ke atas perbadanan asing yang berhadapan di negara ini seharusnya membolehkan Malaysia mengorak langkah yang luas di segi perkembangan perdagangan asing dan perindustrian, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di sini malam ini.

Perdana Menteri yang mensifatkan sektor swasta sebagai 'cabang perdagangan dalam perusahaan negara' di bawah konsep Persyarikatan Malaysia, berkata tujuan menambah pemilikan dan penguasaan tempatan ke atas perbadanan scumpama itu ialah untuk menggunakannya bagi faedah maksimum dan meluaskan lagi asas operasi negara.

Dntuk Seri Dr. Mahathir berucap di majlis jamuan

Institut Pengurusan Malaysia (MIM). Beliau dikurniakan fellowship kehormat di majlis itu.

Beliau menggariskan dalam ucapannya haluan, dasar dan konsep baru kerajaan yang mencerminkan keazamannya memupuk ckonomi yang menggalakkan 'perusahaan yang kukuh.'

Amalan

Bercakap terus terang mengenai kelemahan para usahawan Malaysia, beliau berkata: "Rakyat Malaysia memang tidak tahu bekerjasama. Tolcransi dan persefahaman bukan amalan mereka."

Mengenai pertanian, Datuk Seri Dr Mahathir berkata penekanan kerajaan supaya pertanian dijadikan bidang komersil, memerlukan para usahawan. Tetapi malangnya walaupun beribu-ribu anak petani belajar

di universiti, perusahaan dan pengurusan bukanlah mata pelajaran yang mereka pelajari.

"Ini perlu mreka ubah," tegasnya.

Ketika menegaskan perlunya mencapai kesempurnaan dan kegemilangan, beliau berkata, sbagai contoh para ahli perdagangan mestilah mempunyai tatacara yang tinggi dan memberi perhatian kepada mutu dan jika perlu 'kita harus dapat meletakkan barang keluaran kita di atas para-para kedai asing' tanpa menunggu kedatangan orang tengah.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin bahawa iklim sckarang adalah yang paling baik kepada masyarakat usahawan tempatan selepas merdeka

Beliau berkata walaupun sikap suka bergantung semakin kurang di kalangan rakyat Malaysia, adalah

penting bagi tokoh-tokoh perniagaan dan perdagangan memeriksa diri sendiri bagi menentukan mereka lebih berdikari dan semakin kurang mengharapkan perlindungan kerajaan.

"Kita mudah dapat melihat subsidi yang diberikan kepada para petani dan penduduk desa, tetapi subsidi tidak langsung dan langkah perlindungan juga wujud agak meluas di kalangan syarikat usahawan dan perdagangan," ujarnya.

Beliau berkata, kerajaan berkewajipan kepada keadaan masa depan dan ini terbayang pada pengenalan kurikulum baru di sekolah-sekolah yang dirangka bagi mewujudkan kemahiran pengurusan dan manipulasi di kalangan usahawan dan golongan pekerja masa depan.